

# Harga RON95 turun, tol dikekal turut manfaatkan M40

BERITA HARIAN 25 JUL 2025

M/S. 2

Bantuan bermula untuk miskin tegar, B40 kini mula diagih kepada golongan sasar lebih luas

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Langkah tambahan membabitkan penurunan harga minyak RON95 ke RM1.99 seliter serta pengekalan kadar tol membabitkan 10 konsesi lebuhraya diumumkan kerajaan kelmarin memanfaatkan golongan M40, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kata Perdana Menteri, penguna paling ramai menggunakan kenderaan seperti kereta dan melalui jalan bertol adalah golongan berkenaan.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kekeliruan membabitkan maklumat mengenai bantuan kerajaan berpunca daripada kelemahan komunikasi dalam penyampaian.

"Sebab itu saya kata kadang-kadang komunikasi kita, penjelasan berkenaan (inisiatif) harus lebih berkesan.

"Kalau tengok RON95, RM1.99 dan beberapa langkah lain umpamanya untuk yang M40. Tol, kalau kita tengok B40 kebanyakannya boleh jadi pakai motosikal (penggunaan) minyaknya kecil.

"M40 kebanyakannya (menggunakan) motokar jadi (penggunaan) minyak itu lebih tinggi," katanya selepas berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Kementerian Kewangan, semalam.

Anwar berkata, bantuan disalurkan kerajaan bermula dengan golongan miskin tegar sebelum keseluruhan B40 dan kini manfaat untuk dinikmati Kumpulan M40.

Justeru, beliau menampelas mana-mana pihak yang meremehkan pemberian RM100 bagi setiap warganegara berusia 18 tahun ke atas kerana ia mampu memberi tambahan kepada bantuan sedia ada seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

Katanya, walaupun jumlah berkenaan mungkin dianggap kecil untuk golongan berpendapa-



tan tinggi, ia memberi manfaat dan makna besar kepada golongan berpendapatan rendah.

"Semalam (kelmarin) saya umumkan beberapa langkah tambahan. Tak apalah singgung dunia politik kita. RM100 saja. Kamu bergaji RM20,000 sebulan, RM40,000 sebulan (memang) RM100 tak ada apa. Tapi saya tahu kalau kita pergi ke kampung ada (manfaatnya)," katanya.

## Pertahan keputusan kerajaan

Anwar turut mempertahankan keputusan kerajaan untuk menghentikan subsidi minyak untuk warga asing.

Beliau berkata, ia supaya warga asing membayar harga minyak di negara ini mengikut harga pasaran.

"Ketua Parti Pembangkang sebut pasal apa nak bebankan mereka. Boleh tegur dan kritik. Saya tak ada masalah. Ada orang kata...

Bukan kita pergi dera mereka, bukan kita rampas hak dia. Ini subsidi bukan maknanya cukai tambahan minyak mereka, tidak.

"Ini maknanya, subsidi yang kita beri 50 sen setiap satu liter itu kita tarik tak beri subsidi kerana di negara dia, harga lebih tinggi daripada RM2.50.

"Di Singapura, di Thailand, Indonesia semua lebih tinggi. Jadi kita tarik subsidi itu kepada orang asing. Itu pun salah juga," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri antara lain mengumumkan penyusunan subsidi harga petrol RON95 yang diturunkan daripada RM2.05 kepada RM1.99 seliter untuk rakyat Malaysia dengan perinciannya akan diumumkan pada hujung September nanti.

Turut diumumkan adalah penangguhan kenaikan kadar tol bagi 10 lebuhraya di seluruh negara.